



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2009/10**

NAMA MATA PELAJARAN : KENEGARAAN DAN  
PEMBANGUNAN MUTAKHIR  
MALAYSIA

KOD : UMS 1113

KURSUS : BBV/BDD/BFF/BPA/BPC

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN  
DALAM BORANG OMR YANG  
DISEDIAKAN

B) KERTAS SOALANINI TIDAK  
DIBENARKAN DIBAWA  
KELUAR DARI DEWAN  
PEPERIKSAAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 24 MUKA SURAT

### UMS 1113

S1 Kuasa, hak, merdeka dan maruah adalah tanda

- A kedaulatan
- B kebebasan
- C kebangsaan
- D kesejagatan

S2 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep negara?

- A Satu pertubuhan pusat yang mengekalkan satu sistem peraturan ke atas masyarakat.
- B Satu badan yang merangka dan melaksanakan dasar-dasar untuk semua rakyat di dalam sesebuah negara.
- C Kehidupan oleh sekumpulan manusia yang menduduki sesebuah wilayah yang tetap di bawah penyelenggaraan kerajaan.
- D Satu lembaga yang mempunyai kewibawaan yang sah dalam hal keselamatan perancangan dan pengalaman dasar-dasar.

S3 Apakah kepentingan **utama** identiti ruang berlandaskan persempadanan kepada Malaysia?

- A Memberikan identiti kepada rakyat
- B Memartabatkan maruah bangsa dan negara
- C Menentukan penandaan kawasan secara geografi
- D Membolehkan kerajaan memerintah dengan berkesan

S4 Kedaulatan bagi sesebuah negara sangat penting untuk

- A menjamin negara bangsa yang kuat
- B menjaga martabat bangsa dan negara
- C menyekat perkembangan kuasa besar
- D menjamin perpaduan dan kesejahteraan rakyat

S5 Kita perlukan negara **kecuali**

- A untuk melindungi rakyat
- B untuk mengekalkan kejayaan lalu dan akan datang
- C untuk menjaga kestabilan semasa dan akan datang
- D untuk menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

## UMS 1113

S6 Yang manakah di antara berikut adalah **benar** mengenai Kerajaan Persekutuan?

- A Kerajaan Pusat mempunyai segala kuasa pemerintahan
- B Ketua Negara sesebuah Kerajaan Persekutuan ialah raja
- C Kebanyakan kuasa terletak di tangan kerajaan-kerajaan negeri
- D Kuasa kerajaan dibahagikan antara kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri

S7 Menurut Syed Ahmad Hussein (1996), kerajaan bermaksud

- A satu rangkaian institusi yang mentadbir masyarakat dan negara
- B satu pertubuhan pusat yang mengekalkan satu sistem peraturan ke atas masyarakat
- C satu badan yang merangka dan melaksanakan dasar-dasar untuk semua rakyat di dalam sesebuah negara
- D satu lembaga yang mempunyai kewibawaan yang sah dalam hal keselamatan perancangan dan pengalaman dasar-dasar

S8 berdasarkan Rajah 1



**Rajah 1**

Rajah di atas merujuk kepada adalah fungsi tiga badan kerajaan di Malaysia. Padangkan fungsi dengan badan kerajaan berkenaan.

- A Eksekutif (X), Kehakiman (Y) dan Perundangan (Z)
- B Eksekutif (X), Perundangan (Y) dan Kehakiman (Z)
- C Perundangan (X), Eksekutif (Y) dan Kehakiman (Z)
- D Kehakiman (X), Perundangan (Y) dan Eksekutif (Z)

## **UMS 1113**

S9 berdasarkan Petikan 1

Negeri Melaka tersangat masyur dan berfaedah sehingga pada pendapat saya tidak ada bandingannya di dalam dunia...ia adalah sebuah bandar raya tempat memasarkan barang-barang dagangan yang lebih sesuai daripada bandar raya yang lain di dunia

### **Petikan 1**

Petikan di atas adalah merujuk kepada pendapat seoarang ahli pelayaran tentang kemunculan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan di Nusantara. Ahli pelayaran tersebut ialah

- A Pliny
- B Ptolemy
- C Tom Pires
- D Duarte Barbosa

S10 Melaka telah menjadi tumpuan pendakwah setelah Islam diisytiharkan sebagai agama rasmi semasa pemerintahan

- A Sultan Mansur Syah
- B Sultan Iskandar Syah
- C Sultan Muzaffar Syah
- D Sultan Alauddin Riayat Syah

S11 Apakah maksud konsep raja berkuasa mutlak di dalam pentadbiran Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Kedudukan dan hak raja tidak boleh dipersoalkan dan diganggu-gugat
- B Raja menjadi lambang dan simbol kemakmuran serta kekuasaan kerajaan
- C Raja menjalankan pentadbiran harian dan dibantu oleh pembesar-pembesar negeri
- D Raja menerajui angkatan tentera dan menjadi ketua agama Islam di peringkat negeri

## UMS 1113

S12 Apakah faktor **utama** keruntuhan Empayar Kesultanan Melayu Melaka?

- A Tidak mendapat bantuan ketenteraan daripada negeri naungannya
- B Tidak ada panglima tentera yang kuat seperti Laksamana Hang Tuah
- C Pemerintahan yang lemah menyebabkan keadaan kucar-kacir berlaku
- D Singapura mengambil alih tempat Melaka sebagai pusat perdagangan utama di Kepulauan Melayu

S13 Peranan Temenggung di dalam pemerintahan Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ialah

- A penasihat kanan raja
- B ketua undang-undang, peraturan dan keselamatan
- C bertanggungjawab mengawal perbendaharaan negara
- D memikul pedang kerajaan dalam upacara rasmi dan mengetuai peperangan

S14 Berikut merupakan pengaruh ketamadunan tradisional ke atas pembentukan sosio-politik Malaysia melainkan

- A bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
- B agama Islam dijadikan sebagai agama rasmi persekutuan
- C institusi pembesar adalah penghubung di antara raja dan rakyat
- D pengenalan kepada undang-undang bertulis seperti perlembagaan dan akta

S15 berdasarkan Pernyataan 1

Perkembangan kuasa atau kawalan sama ada secara langsung oleh sesuatu kerajaan, bangsa atau masyarakat ke atas bangsa dan masyarakat lain.

(George Nadel)

### Pernyataan 1

Pernyataan di atas adalah merujuk kepada definisi

- A patriotisme
- B federalisme
- C nasionalisme
- D imperialisme

### UMS 1113

- S16 Antara faktor yang menyebabkan British meluaskan pengaruhnya ke atas Tanah Melayu ialah untuk mentamadunkan negara yang dijajah. Faktor tersebut merujuk kepada
- A Mekantalisme
  - B *White man burden*
  - C *Black man burden*
  - D Nasionalisme
- S17 Episod awal campur tangan British di Tanah Melayu bermula dengan peristiwa
- A Perjanjian Inggeris - Belanda
  - B Francis Light menduduki Pulau Pinang
  - C Stamford Raffles menduduki Singapura
  - D Perjanjian Burney di antara British dan Siam
- S18 Usaha awal British untuk campur tangan di dalam politik Negeri-negeri Melayu wujud semasa
- A Perjanjian Pangkor
  - B Perjanjian Bangkok
  - C Perjanjian Persekutuan
  - D Perjanjian Inggeris-Belanda
- S19 Sistem Residen yang diamalkan oleh British memperlihatkan bahawa
- A penyelarasan di antara negeri-negeri dijajah dikuatkuasakan
  - B kuasa penuh diberikan kepada residen bagi mewujudkan keamanan
  - C sistem perundangan digunakan bagi mengelakkan kuasa budi bicara
  - D keseragaman garis panduan pentadbiran dalam kalangan negeri-negeri dijajah
- S20 Semua pernyataan berikut mengenai kegiatan ekonomi semasa penjajahan British di Tanah Melayu adalah benar **kecuali**
- A kekayaan di Tanah Melayu dieksplotasi oleh British
  - B pengenalan sistem pecah dan perintah berdasarkan kaum
  - C kegiatan ekonomi tertumpu di bahagian timur Tanah Melayu
  - D perekonomian bergantung kepada perusahaan bijih timah dan getah

### **UMS 1113**

- S21 Apakah kesan penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)?
- A Kuasa sultan dikembalikan
  - B Ipoh menjadi ibu pejabat persekutuan
  - C Ketua NNMB digelar sebagai Residen
  - D Beberapa jabatan diwujudkan untuk penyelarasan
- S22 Pegawai British yang bertanggungjawab untuk mendapatkan tandatangan persetujuan Raja-Raja Melayu berhubung pembentukan Malayan Union ialah
- A J.W.W Birch
  - B Edward Gent
  - C Gerald Templer
  - D Harold Mac Michael
- S23 Pernyataan berikut adalah benar mengenai kesan dasar pecah dan perintah oleh British **kecuali**
- A pengkhususan kerja
  - B pemetaikan petempatan
  - C permasalahan intra etnik
  - D kerencaman masyarakat
- S24 Pernyataan berikut merupakan kepentingan semangat patriotisme terhadap negara **kecuali**
- A memartabatkan maruah dan imej
  - B mempertahankan hak dan kedaulatan
  - C memperjuangkan keadilan dan kesamarataan
  - D menekankan kepekaan terhadap halatuju pembangunan
- S25 Pernyataan berikut adalah merujuk kepada faktor nasionalisme yang disebabkan oleh gerakan sosio-budaya **kecuali**
- A tindakbalas pengenalan Sistem Residen
  - B penuntutan kesihatan yang lebih sempurna
  - C kebangkitan untuk keluar dari kedaifan hidup
  - D perjuangan mendapatkan pendidikan yang lebih baik

**UMS 1113**

S21 Apakah kesan penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)?

- A Kuasa sultan dikembalikan
- B Ipoh menjadi ibu pejabat persekutuan
- C Ketua NNMB digelar sebagai Residen
- D Beberapa jabatan diwujudkan untuk penyelarasan

S22 Pegawai British yang bertanggungjawab untuk mendapatkan tandatangan persetujuan Raja-Raja Melayu berhubung pembentukan Malayan Union ialah

- A J.W.W Birch
- B Edward Gent
- C Gerald Templer
- D Harold Mac Michael

S23 Pernyataan berikut adalah benar mengenai kesan dasar pecah dan perintah oleh British **kecuali**

- A pengkhususan kerja
- B pemetaikan petempatan
- C permasalahan intra etnik
- D kerencaman masyarakat

S24 Pernyataan berikut merupakan kepentingan semangat patriotisme terhadap negara **kecuali**

- A memartabatkan maruah dan imej
- B mempertahankan hak dan kedaulatan
- C memperjuangkan keadilan dan kesamarataan
- D menekankan kepekaan terhadap halaju pembangunan

S25 Pernyataan berikut adalah merujuk kepada faktor nasionalisme yang disebabkan oleh gerakan sosio-budaya **kecuali**

- A tindakbalas pengenalan Sistem Residen
- B penuntutan kesihatan yang lebih sempurna
- C kebangkitan untuk keluar dari kedaifan hidup
- D perjuangan mendapatkan pendidikan yang lebih baik

### UMS 1113

S26 Yang manakah merupakan aliran nasionalisme berpunca daripada pendidikan Melayu?

- A Senior Cambridge
- B Penang Free School
- C Maktab Perguruan Sultan Idris
- D Maktab Melayu Kuala Kangsar

S27 Apakah kelemahan **utama** sistem pendidikan di Tanah Melayu semasa penjajahan British?

- A Bilangan sekolah adalah terhad
- B Tidak ada dasar pelajaran kebangsaan
- C Kegiatan ko-kurikulum tidak dititikberatkan
- D Bahasa Melayu tidak diajar di semua sekolah

S28 berdasarkan Jadual 1

Simbol	Peristiwa
O	Malayan Union
P	Suruhanjaya Reid
Q	Pilihanraya Persekutuan
R	Sistem Ahli

**Jadual 1**

Susun peristiwa-peristiwa berikut mengikut kronologi.

- A O, P, Q dan R
- B O, Q, P dan R
- C O, R, Q dan P
- D O, R, P dan Q

S29 Apakah sebab **utama** kebangkitan orang Melayu menentang Malayan Union?

- A Bukan bumiputera turut menikmati hak-hak istimewa seperti bumiputera
- B Perlembagaan Malayan Union digubal tanpa mengambil kira pandangan orang Melayu terlebih dahulu
- C Sir Edward Gent menggunakan ugutan untuk mendapatkan persetujuan daripada raja-raja Melayu
- D British bertindak menahan para pemimpin Melayu yang mengetuai kebangkitan rakyat menentang Malayan Union

**UMS 1113**

- S30 Apakah keputusan penting yang dicapai oleh Kongres Persatuan Melayu yang diadakan pada tahun 1946?
- A Pembentukan sebuah Malayan Union  
B Memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu  
C Penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu  
D Meningkatkan penyertaan Melayu di dalam bidang politik
- S31 Antara pernyataan berikut yang manakah **tidak benar** mengenai kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Kuasa kerajaan negeri diperluaskan  
B Kuasa raja-raja Melayu dikembalikan  
C Singapura digabungkan dan diletakkan di bawah satu kerajaan pusat  
D Majlis Mesyuarat Kerja dan Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan ditubuhkan
- S32 Apakah pembaharuan pentadbiran yang dijalankan oleh Jepun semasa menjajah di Tanah Melayu?
- A Jepun mengamalkan pentadbiran secara berpusat  
B Jepun menubuhkan tentera Melayu bagi melawan komunis  
C Jepun menyerahkan Kelantan, Terengganu dan Pahang kepada Thailand  
D Jepun menggabungkan Tanah Melayu dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran
- S33 Apakah tujuan Sistem Ahli ditubuhkan?
- A Memilih ahli-ahli yang bakal menjadi menteri  
B Memberi latihan kepada pemimpin tempatan dalam hal ehwal pentadbiran  
C Mendapatkan pandangan rakyat tentang perlombagaan Persekutuan Melayu 1948  
D Memastikan pemimpin tempatan membantu pihak British mengukuhkan kuasa di Tanah Melayu

### **UMS 1113**

S34 berdasarkan Jadual 2

Isu	Perkara
O : Bahasa Melayu	X : 3
P : Agama Islam	Y : 152
Q : Hak Istimewa Melayu	Z : 153

#### **Jadual 2**

Berdasarkan jadual di bawah, padankan isu-isu kontrak sosial berdasarkan peruntukan perkara Perlembagaan Persekutuan seperti yang dipersetujui sebelum Tanah Melayu merdeka.

- A O(Y), P(X) dan Q(Z)
- B O(X), P(Z) dan Q(Y)
- C O(Z), P(Y) dan Q(X)
- D O(Z), P(X) dan Q(Y)

S35 Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia ditubuhkan di Singapura pada Julai 1961.

Apakah fungsi penubuhan jawatankuasa berkenaan?

- A Merangka perlembagaan baru bagi Persekutuan Malaysia
- B Mengkaji sebab-sebab Brunei enggan menyertai Malaysia
- C Meninjau pandangan penduduk Singapura tentang gagasan Malaysia
- D Menerangkan konsep gagasan Malaysia kepada penduduk Sabah dan Sarawak

S36 Tujuan penubuhan Suruhanjaya Cobbold pada 1961 ialah untuk

- A menggubal perlembagaan Malaysia
- B mengkaji ancaman komunis di Kepulauan Borneo
- C meninjau pendapat rakyat Singapura tentang gagasan Malaysia
- D meninjau pendapat orang Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia

### **UMS 1113**

S37 Penubuhan Malaysia telah ditentang oleh Indonesia dan Filipina.

Apakah gagasan yang telah dibentuk pada tahun 1963 untuk menyelesaikan penentangan tersebut?

- A Gagasan ASA
- B Gagasan SEATO
- C Gagasan ASEAN
- D Gagasan MAPHILINDO

S38 Bilakah Malaysia ditubuhkan dengan rasminya?

- A 12 September 1963
- B 14 September 1963
- C 16 September 1963
- D 18 September 1963

S39 Pilih pernyataan **paling tepat** mengenai perlombagaan dan corak kerajaan Malaysia.

- A Ketua eksekutif negara adalah Perdana Menteri
- B Kuasa pemerintahan diagihkan di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri
- C Sistem kerajaan adalah Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlombagaan
- D Badan eksekutif, perundangan dan kehakiman merupakan tiga komponen utama kerajaan

S40 Apakah perkara yang termasuk di dalam Senarai Bersama, Perlombagaan Persekutuan?

- A Pendidikan
- B Hal ehwal agama Islam
- C Pertanian dan perhutanan
- D Perancangan bandar dan kampung

### UMS 1113

S41 Demokrasi berparlimen merupakan satu konsep yang mendaulatkan kebebasan setiap rakyat dalam menentukan pucuk kepimpinan negara.

Apakah ciri **utama** konsep berkenaan?

- A Mengadakan sidang parlimen
- B Mengadakan pilihanraya bebas
- C Melantik Perdana Menteri dalam kalangan rakyat
- D Mengamalkan kawal imbang kuasa badan pemerintahan

S42 Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak benar** tentang konsep raja berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia?

- A Perdana Menteri menjalankan kuasa eksekutif atas nama Yang di-Pertuan Agong
- B Yang di-Pertuan Agong berfungsi sebagai ketua kerajaan dengan menjalankan tugas-tugas secara simbolik
- C Kabinet perlu melapor kepada Yang di-Pertuan Agong tentang hal ehwal pemerintahan Persekutuan jika diminta berbuat demikian
- D Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya dalam perkara-perkara tertentu yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan

S43 Siapakah yang mempunyai bidang kuasa memelihara kedudukan hak istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera?

- A Sultan
- B Perdana Menteri
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Majlis Raja-Raja Melayu

S44 Organisasi tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif kerajaan Persekutuan ialah


- A Kabinet
- B Parlimen
- C Kementerian
- D Dewan Rakyat

## UMS 1113

S45 Kuasa eksekutif negeri dijalankan oleh sebuah badan di peringkat negeri yang dikenali sebagai

- A Kabinet
- B Dewan Rakyat
- C Dewan Undangan Negeri
- D Majlis Mesyuarat Kerajaan

S46 berdasarkan Rajah 2



**Rajah 2**

Rajah di atas menunjukkan proses penggubalan dan kelulusan sesuatu rang undang-undang oleh badan perundangan persekutuan di Malaysia.

Di peringkat manakah prinsip-prinsip am rang undang-undang dibahaskan?

- A Peringkat Jawatankuasa
- B Dewan Rakyat (Bacaan Pertama)
- C Dewan Rakyat (Bacaan Kedua)
- D Dewan Rakyat (Bacaan Ketiga)

S47 Yang manakah di antara yang berikut menerangkan doktrin pengasingan kuasa?

- A Pengasingan kuasa di antara kementerian-kementerian
- B Pengasingan kuasa di antara ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat
- C Pengasingan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- D Pengasingan kuasa di antara badan eksekutif, perundangan dan kehakiman

## UMS 1113

S48 Tujuan utama dasar pembangunan negara ialah

- A menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju
- B membawa kesejahteraan kepada rakyat tanpa mengira kaum
- C mengagihkan kekayaan supaya perpaduan nasional dapat dicapai
- D menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan kemiskinan

Soalan S49 berdasarkan Pernyataan 2


Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) mengambil masa selama 20 tahun untuk dilaksanakan.

### Pernyataan 2

S49 Berdasarkan pernyataan di atas, bilakah RRJP1 dilaksanakan?

- A Rancangan Malaya Ke-2 sehingga Rancangan Malaysia Ke-3
- B Rancangan Malaysia Ke-2 sehingga Rancangan Malaysia Ke-5
- C Rancangan Malaysia Ke-3 sehingga Rancangan Malaysia Ke-6
- D Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Ke-4

S50 berdasarkan Gambar 1



**Gambar 1**

Kejayaan Malaysia boleh diukur menerusi hubungan luarnya.

Apakah bentuk hubungan luar seperti gambar di atas?

- A Bilateral
- B Trilateral
- C Unilateral
- D Multilateral

### **UMS 1113**

- S51 Apakah yang dimaksudkan dengan pembangunan seimbang dalam konteks falsafah pembangunan negara di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang 2?
- A Pembangunan yang memfokuskan kepada kemajuan kawasan bagi desa dan bandar serta wilayah supaya seluruh negara menjadi maju
  - B Pembangunan yang berorientasikan fizikal dan mental supaya rakyat bukan sahaja sihat dan produktif malahan berwawasan
  - C Pembangunan yang mengambil kira bukan sahaja perkembangan ekonomi tetapi juga pembangunan insan, pembentukan semangat perpaduan dan juga penjagaan alam sekitar
  - D Pembangunan yang berteraskan falsafah pengagihan kekayaan dengan seadil yang mungkin tanpa mengira kaum supaya semua rakyat berpeluang aktif dalam pembangunan negara
- S52 Apakah matlamat Dasar Pembangunan Nasional yang diimplementasikan pada tahun 1991?
- A Mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat bersatu padu
  - B Penyusunan semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dihapuskan
  - C Pembasmian kemiskinan dengan memperbanyakkan pekerjaan dan menambahkan pendapatan kepada rakyat
  - D Pemodenan kehidupan desa dengan meninggikan daya pengeluaran dan mempertingkatkan serta mengimbangkan pertumbuhan kegiatan bandar
- S53 Bagaimanakah pembangunan yang seimbang bagi mewujudkan masyarakat lebih bersatu dan adil dalam Dasar Pembangunan Nasional boleh dicapai?
- A Menyebarluaskan industri dari pusat bandar ke kawasan-kawasan kurang maju
  - B Menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma atau subsidi lebih meluas
  - C Mengurangkan dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidaksamaan serta ketidakseimbangan sosial dan ekonomi
  - D Menambahkan peluang untuk menukar kegiatan yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah kepada yang tinggi

### UMS 1113

S54 Yang berikut merupakan fokus strategi Dasar Pembangunan Nasional **melainkan**

- A membasmi kemiskinan mutlak disamping mengurangkan kemiskinan relatif
- B meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam proses penyusunan semula masyarakat
- C mengalih tumpuan daripada sebuah negara yang berorientasikan pertanian kepada negara yang berorientasikan perdagangan
- D mewujudkan guna tenaga dan pembangunan yang pesat dalam sesebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera

S55 Rangka Rancangan Jangka Panjang 3 iaitu Dasar Wawasan Negara (DWN) merupakan fasa kedua dalam kerangka negara mencapai Wawasan 2020.

Apakah teras dasar di atas untuk memacu negara ke arah Wawasan 2020 supaya mempunyai daya tahan dan daya saing di pasaran global?

- A Membangunkan ekonomi berdasarkan pengetahuan sebagai satu langkah strategik
- B Mengukuhkan pembangunan sumber manusia bagi mewujudkan tenaga yang cekap, produktif dan berpengetahuan
- C Menggalakkan proses pengeluaran yang lebih bersepadu antara industri domestik bagi mengurangkan pergantungan luar
- D Memusatkan transformasi ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti

S56 Pendekatan Dasar Wawasan Negara berfokus kepada pembasmian kemiskinan

- A relatif
- B mutlak
- C relatif dan mutlak
- D bandar dan pedalaman

## UMS 1113

S57 berdasarkan Jadual 3

Huraian		Cabaran	
O	Membentuk sebuah negara bangsa yang <u>bersatu padu</u> .	X	Ke-1
P	Melahirkan masyarakat Malaysia yang bebas, teguh dan mempunyai <u>keyakinan diri</u> .	Y	Ke-2
Q	Membangunkan masyarakat <u>demokratis</u> yang matang.	Z	Ke-3

**Jadual 3**

Jadual di atas adalah merujuk kepada huraian-huraian cabaran yang terkandung di dalam Wawasan 2020.

Padankan huraian dan cabaran berkenaan.

- A O:X, P:Y dan Q:Z
- B O:Y, P:Z dan Q:X
- C O:Z, P:X dan Q:Y
- D O:Z, P:Y dan Q:X

S58 Dasar Pendidikan Kebangsaan mempunyai objektif untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan pada masa yang sama dapat menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi.

Bagaimakah strategi pelaksanaan dasar ini dapat tercapai?

- A Peluang pendidikan asas selama 6 tahun
- B Melenturkan bidangan mengikut kesesuaian
- C Pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu
- D Sistem peperiksaan berdasarkan sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan

S59 Apakah matlamat **utama** Dasar Pertanian Negara?

- A Mengusahakan perniagaan tani secara cekap dan efisien
- B Ke arah pemantapan sumbangannya kepada negara secara menyeluruh
- C Mengkomersilkan output dengan penggunaan sains dan teknologi moden
- D Memaksimakan pendapatan melalui penggunaan sumber negara secara cekap

## UMS 1113

S60 Manakah kenyataan yang berikut **paling tepat** menyatakan tentang Dasar Penswastaan?

- A Perkongsian atau usahasama mengendali projek sektor kerajaan
- B Memindahkan fungsi dan aktiviti sektor kerajaan kepada sektor swasta
- C Sektor swasta merancang dan menentukan projek-projek kerajaan yang perlu diperbadankan
- D Mengendalikan sepenuhnya projek-projek bagi menggalakkan penjimatan perbelanjaan negara

S61 berdasarkan Pernyataan 3

Mewujudkan kerjasama erat, bermakna dan berkesan antara sektor awam dengan swasta demi pembangunan negara bagi mencapai faedah bersama.

### Pernyataan 3

Pernyataan di atas dapat dikaitkan dengan objektif

- A Dasar Penswastaan
- B Dasar Sosial Negara
- C Dasar Ekonomi Baru
- D Dasar Pensyarkatan Malaysia

S62 Sains dan teknologi sangat penting kepada negara kerana mampu

- A menghasilkan nilai tambah produk
- B membangunkan ekonomi perindustrian moden
- C merangsangkan penyelidikan dan pembangunan
- D mewujudkan penambahbaikan kemudahan infrastruktur

S63 Berikut merupakan strategi Dasar Sains dan Teknologi **kecuali**

- A mengimport sepenuhnya teknologi luar
- B meningkatkan kepakaran sumber manusia
- C membangunkan bidang teknik sokongan dan saintifik
- D memajukan projek-projek penyelidikan dan pembangunan

## UMS 1113

S64 berdasarkan Pernyataan 4

- i. membentuk sebuah negara bangsa bersatu padu
- ii. membentuk masyarakat bersifat sains serta progresif
- iii. menjamin pembentukan masyarakat yang adil ekonominya

### Pernyataan 4

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Wawasan 2020
- B Pelan Induk Perindustrian
- C Dasar Perpaduan Nasional
- D Dasar Pembangunan Nasional

S65 Peranan **utama** sebagai seorang warganegara ialah

- A mengenali diri serta mencintai warisan bangsa dan negara
- B mewujudkan masyarakat yang mempunyai daya kompetensi
- C bersemangat kekitaan, berdisiplin dan hidup bermasyarakat secara harmoni
- D memahami dan menghargai usaha-usaha negara dalam kemajuan dan pembangunan

S66 Berikut merupakan sumbangan Tun Abdul Razak **kecuali**

- A membangunkan ekonomi bumiputera
- B menggalakkan pembangunan di luar bandar
- C memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB)
- D memperkenalkan Rancangan Pembangunan Jangka Pendek

S67 Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan

- A pusat pengeluaran barang berteraskan teknologi maklumat
- B pusat latihan sumber manusia berteraskan sains dan teknologi
- C wilayah bestari yang mengutamakan ciptaan teknologi terkini
- D kawasan berdaya saing dalam pembangunan teknologi maklumat

### UMS 1113

- S68 Manakah di antara kenyataan berikut **tidak benar** mengenai penubuhan Sekolah Bestari?
- A Salah satu projek Koridor Raya Multimedia (MSC)
  - B Pelajar-pelajar diberi kebebasan untuk memilih mata pelajaran yang ingin diambil
  - C Bagi melahirkan warganegara yang kritis, inovatif, berketrampilan dan berakhhlak mulia
  - D Bagi melahirkan warganegara yang mampu menghadapi dan memberi sumbangan kepada negara berteraskan sains dan teknologi
- S69 Kematangan berpolitik merupakan satu daripada kejayaan Malaysia apabila
- A kefungsian parlimen dikawal oleh kabinet
  - B rakyat mengiktiraf negara sebagai organisasi paling unggul
  - C parti bukan pro kerajaan saling bekerjasama di dalam kabinet
  - D kesanggupan berkongsi kepimpinan oleh parti politik pro kerajaan dan pembangkang
- S70 Kenapa tahap perpaduan yang tinggi diperlukan dalam proses kelangsungan pembangunan negara?
- A Mewujudkan kestabilan politik negara
  - B Membina masyarakat Malaysia yang berjiwa bebas dan tenteram
  - C Menjadikan Malaysia benar-benar maju dalam sains dan teknologi
  - D Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersifat liberal dan bertoleransi
- S71 Apakah faktor-faktor **utama** yang membawa kepada keagungan Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?
- I Pemimpin yang adil dan bijaksana
  - II Hubungan dengan kuasa-kuasa besar seperti China
  - III Pusat agama Islam dan kebudayaan Melayu serumpun
  - IV Kedudukan geografinya yang terletak di antara pusat-pusat perdagangan
- A I dan II
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV

**UMS 1113**

S72 Menurut J. Romein, asas-asas nasionalisme adalah

- I keinginan mahu bebas daripada penjajahan
  - II keinginan mahu bebas dari belenggu ekonomi asing
  - III keinginan melihat taraf hidup bangsa sendiri itu sama dengan bangsa lain
- A I sahaja
  - B I dan II
  - C II dan III
  - D I, II dan III

S73 Yang manakah di antara berikut merupakan faktor tolakan imperialism barat di Tanah Melayu?

- I keperluan pasaran bagi hasil perindustrian di Eropah
  - II perebutan takhta dan wilayah yang kaya dengan hasil bumi
  - III jemputan daripada pihak berkepentingan dalam kancah politik tempatan
  - IV keperluan bahan mentah seperti bijih timah dan getah dalam perindustrian di Eropah
- A I dan III
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II dan IV

S74 Pilih pernyataan yang menggambarkan sosio-politik Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

- I Konsep naungan digunapakai
  - II Masyarakat Melaka merupakan masyarakat yang mudah
  - III Raja penentu kepada kemajuan dan kemunduran kerajaan
  - IV Undang-undang dipengaruhi oleh adat Perpatih, Temenggung dan agama Islam
- A I sahaja
  - B II sahaja
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV

**UMS 1113**

S75 Pilih kenyataan yang mempunyai kaitan dengan gerakan sosio-budaya di Tanah Melayu.

- I Menekankan kemahiran 3M
- II Menekankan pendidikan al-Quran sebagai asas
- III Wujud institusi pendidikan sekolah pondok dan madrasah
- IV Memperjuangkan pendidikan diberikan hanya untuk kanak-kanak sahaja

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S76 Yang manakah di antara berikut merupakan sebab utama yang membawa kepada penubuhan Malaysia?

- I Mewujudkan usahasama politik
- II Membendung ancaman komunis
- III Mewujudkan zon ekonomi kukuh di Asia Tenggara
- IV Mempercepatkan kemerdekaan wilayah yang terlibat

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S77 berdasarkan Pernyataan 5

Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini, hendaklah terbatal setakat yang berlawanan.

**Pernyataan 5**

Pernyataan di atas merujuk kepada

- I perlembagaan sebagai dokumen perundangan utama
  - II ketertinggian perlembagaan mengatasi segala undang-undang lain di Malaysia
  - III undang-undang yang terkandung di dalam perlembagaan adalah tidak boleh dipinda
  - IV undang-undang yang dibuat selepas merdeka dan bercanggah dengan perlembagaan akan terbatal
- 
- A I dan II
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV

S78 Mengurangkan dan membasmi kemiskinan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum di dalam Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai melalui

- I menambahkan daya pengeluaran menggunakan teknik moden
  - II menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma dengan lebih meluas
  - III menukar kegiatan yang mempunyai daya pengeluaran rendah kepada tinggi
  - IV membasmi kemiskinan mutlak di samping mengurangkan kemiskinan relatif
- 
- A I sahaja
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV

**UMS 1113**

S79 Pilih pernyataan yang menggambarkan amalan demokrasi di Malaysia.

- I Parliment di Malaysia berbentuk dwi-dewan
  - II Dewan Negara terbubar apabila parliment dibubarkan
  - III Setiap warganegara dibenarkan bertanding di dalam pilihanraya
  - IV Keputusan-keputusan adalah dibuat berdasarkan bilangan undi terbanyak
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

S80 Pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu di dalam Wawasan 2020 boleh diwujudkan melalui

- I penggambaran rasa bangga mengidentifikasi diri sebagai warganegara Malaysia
  - II pembinaan masyarakat yang bersatu padu berlandaskan penguatkuasaan undang-undang
  - III penerimaan Malaysia oleh rakyatnya sebagai tanah air tunggal dengan penuh kesetiaan
  - IV kerjasama komited oleh rakyatnya bagi menjayakan cita-cita negara yang dikongsi bersama
- A I dan II
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV